

28 OCT 1997

Mahathir-Slovenia

MALAYSIA DAN SLOVENIA MENTERAI PERJANJIAN UDARA

Oleh: Zainoor Sulaiman

LJUBLJANA, 28 Okt (Bernama) -- Malaysia dan Republik Slovenia hari ini menandatangani perjanjian udara bagi meningkatkan perhubungan ekonomi dan kebudayaan antara kedua-dua negara.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik bagi pihak Malaysia manakala Slovenia diwakili oleh Menteri Pengangkutan dan Telekomunikasi Anton Bergaeur.

Perjanjian itu dimeterai di Dewan Besar Istana Presiden dengan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Dr. Janez Drnovsek.

Perjanjian itu akan membolehkan Penerbangan Malaysia (MAS) dan Penerbangan Slovenia Adria Airways mengadakan perkhidmatan udara di antara Kuala Lumpur dan Ljubljana.

Pada masa ini MAS sudah mempunyai perkhidmatan ke negara-negara jiran Slovenia iaitu Zagreb (Croatia), Vienna (Austria) dan Rome (Itali).

Dr. Mahathir yang mengetuai perwakilan 45 orang termasuk delegasi perdagangan tiba di sini dari Edinburgh malam tadi untuk memulakan lawatan rasmi selama tiga hari ke negara Adriatik ini.

Ketibaannya di lapangan terbang Brnik, 15km dari sini disambut oleh Dr. Drnovsek dengan upacara ketenteraan sebelum berkereta ke Brado Castle, istana tetamu tempat Perdana Menteri dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menginap semasa lawatan ke sini.

Dr. Mahathir telah mengadakan rundingan "empat mata" dengan Dr. Drnovsek di Istana Kerajaan sebelum mengetuai perbincangan peringkat delegasi.

Perwakilan Malaysia ke rundingan tersebut termasuk Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Dr Ling, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail, Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob, Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Railey Haji Jeffrey dan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Abu Bakar Daud.

Dr. Mahathir juga telah mengadakan kunjungan rasmi dan berunding dengan Presiden Slovenia Milan Kucan di Istana Presiden.

Beliau dijadualkan berucap kepada persidangan perniagaan Malaysia-Slovenia di Pusat Dagangan Dunia di sini, yang dihadiri oleh tokoh-tokoh perniagaan dari kedua-dua negara.

Dr. Mahathir juga akan melawat Pelabuhan Koper dan ladang ternakan kuda dan program ekuestrian.

Slovenia, sebuah negara pesisir Laut Adriatik bersempadankan Croatia, Austria, Hungary dan Itali.

Tengah hari ini beliau juga akan berucap pada mesyuarat ahli-ahli perniagaan dan melawat projek pembangunan dan pelancongan. Dr. Mahathir akan diiringi Dr. Siti Hasmah dan anggota delegasi rasmi malam ini ke majlis jamuan negara yang diberikan Presiden Kucan dan isterinya di Istana Presiden.

Sementara itu Dr. Siti Hasmah mempunyai acara berasingan termasuk melawat Rogaska Slatina dan menyaksikan koleksi kristal kaca dan meninjau pengeluaran kain renda di Cipks Idrija. -- BERNAMA

ZS NMO